



## **SOALAN LAZIM MENGENAI SEMAKAN STATUS KELULUSAN DAN PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN**

### **1. Bilakah semakan status permohonan Geran Khas PRIHATIN (GKP) boleh dibuat?**

Semakan status permohonan GKP boleh dibuat mulai 3 Jun 2020 (Rabu) secara dalam talian melalui portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

### **2. Semakan status permohonan GKP saya adalah berstatus Semakan Lanjut Agensi. Apakah yang dimaksudkan dengan status berkenaan?**

Permohonan yang berstatus Semakan Lanjut Agensi adalah masih dalam proses semakan dengan agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM). Keputusan bagi permohonan ini akan dipaparkan mulai 8 Jun 2020 (Isnin).

### **3. Semakan status permohonan GKP saya adalah berstatus Tidak Lulus. Adakah saya boleh mengemukakan permohonan rayuan?**

Permohonan rayuan boleh dibuat bagi pemohon berstatus Tidak Lulus secara dalam talian melalui portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>) bermula 3 Jun sehingga 15 Jun 2020.

### **4. Bilakah tarikh pembayaran GKP akan dibuat?**

Pembayaran adalah secara *one-off* sebanyak RM3,000 dengan pengkreditan terus ke akaun bank yang telah didaftarkan pada permohonan GKP mulai 15 Jun 2020 termasuk bagi permohonan situasi soalan No. 2.

### **5. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP adalah Gagal Kredit?**

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, sila kemukakan penyata bank yang aktif dan salinan kad pengenalan melalui e-mel, [gkp@hasil.gov.my](mailto:gkp@hasil.gov.my) untuk tindakan selanjutnya.

**6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP?**

Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Dikemaskini pada **12 Jun 2020**.